

FBS

Always
by your side

Polisi Privasi

Mitsui Markets Ltd.

113 Santina Parade, Elluk, Port Vila, Efale,
Vanuatu

1. Kandungan

1. Kandungan	2
2. Pengenalan	3
2.1 Tujuan	3
2.2 Akta Perlindungan Data	3
3. Maklumat Pengenalan Peribadi	4
3.1 Bagaimana Syarikat menggunakan maklumat anda	4
3.2 Anda berhak untuk	5
4. Menghubungi Pelanggan	6
4.1 Maklumat Bukan Peribadi Dikumpul Secara Automatik	6
5. Pendedahan Maklumat	7
5.1 Kepada siapa Maklumat Peribadi boleh kami dedahkan	7
5.2 Laman-laman Pihak Ketiga	7
5.3 Penyedia Pembayaran	8
5.4 Pengekalan rekod	8
5.5 Keselamatan	8
6. Kuki (Cookies)	9
6.1 Umum	9
6.2 Cara kami menggunakan kuki di laman kami dan maklumat yang kami kumpulkan.	9
7. Butiran kenalan	10
7.1 Pegawai Perlindungan Data	10
8. Perubahan Kenyataan Privasi	11
Memadam data	12



2. Pengenalan

Mitsui Markets Ltd. (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat" atau "kami") ialah sebuah syarikat pembrokeran yang berpangkalan di Vanuatu yang dikawal selia oleh Vanuatu Financial Services Commission (selepas ini "VFSC") dan didaftarkan dengan nombor pendaftaran 14812.

Perlindungan keselamatan dan privasi maklumat peribadi anda adalah penting bagi kami dan cara kami menjalankan perniagaan kami dengan mematuhi undang-undang mengenai privasi, perlindungan data dan keselamatan data.

2.1 Tujuan

Tujuan polisi ini diadakan adalah untuk menggariskan maklumat yang boleh dikumpulkan oleh Syarikat, cara ia menggunakan dan melindungi maklumat tersebut dan dengan siapa ia boleh kongsiannya.

Dengan mendaftar di laman web Syarikat, anda bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pemrosesan data peribadi anda.

Kami mengumpul, menggunakan, mendedahkan, menyimpan dan memproses data peribadi anda untuk prestasi perkhidmatan kami seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Kami menggunakan data peribadi anda untuk memberikan anda perkhidmatan yang anda minta melalui laman web dan platform kami untuk melaksanakan kewajipan kontrak kami yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut menurut Rang Undang-undang Perlindungan Data 2016, serta pindaan atau gantiannya dari masa ke semasa.

2.2 Akta Perlindungan Data

Syarikat boleh memproses maklumat yang berkaitan dengan anda, termasuk menyimpan maklumat tersebut dalam rekod salinan cetak atau pangkalan data elektronik, untuk memenuhi sebarang keperluan kontrak, peraturan atau undang-undang yang mana kami tertakluk kepadanya. Dengan membuka akaun perdagangan dengan Syarikat, pelanggan dengan ini memberi kebenaran kepada pengumpulan, pemrosesan, penyimpanan dan penggunaan maklumat peribadi oleh Syarikat seperti yang diterangkan di bawah. Melainkan kami menerima arahan bertulis secara khusus untuk hal yang sebaliknya, dengan memberikan maklumat ini anda bersetuju bahawa kami boleh memproses maklumat ini untuk memenuhi kewajipan tersebut.

3. Maklumat Pengenalan Peribadi

Maklumat yang kami kumpulkan semasa proses bimbingan (on-boarding) boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada nama penuh anda, emel, negara tempat bermastautin, nombor kontak, nombor pengenalan cukai, maklumat kewangan dan sebagainya (selepas ini dirujuk sebagai "Maklumat Peribadi"). Semasa proses ini kami juga dikehendaki oleh undang-undang untuk mengumpul dokumentasi tertentu untuk mengesahkan identiti sebenar anda yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada, bukti identiti dalam bentuk Pasport atau Kad Pengenalan, bukti alamat kediaman tetap anda dalam bentuk bil utiliti serta butiran kad kredit anda (kami meminta kedua-dua belah kad bank). Bahagian hadapan mesti mengandungi 6 digit pertama dan 4 digit terakhir nombor kad, nama pemegang kad dan tarikh luput. Untuk tujuan keselamatan, kami meminta pelanggan untuk menutup kod CVC/CVV di bahagian belakang). Data kad pengguna tidak disimpan dalam sistem kami kerana kami tidak mempunyai sijil PCI DSS. Untuk semua maklumat itu, kami bergantung pada Penyedia Pembayaran kami yang diperakui sewajarnya.

Melalui laman webnya, Syarikat tidak akan mengumpul sebarang Maklumat Peribadi, melainkan anda memilih untuk memberikannya secara sukarela (cth., melalui pendaftaran, pertanyaan melalui emel, tinjauan). Jika anda tidak mahu maklumat peribadi anda dikumpul, sila jangan serahkannya.

Dengan menyerahkan Maklumat Peribadi anda, anda memberi kami persetujuan anda untuk menggunakan Maklumat Peribadi anda dengan cara yang disenaraikan di bawah. Anda juga memberi kebenaran kepada Syarikat, untuk memindahkan Maklumat Peribadi anda ke luar Vanuatu di mana ia diperlukan untuk membolehkan Mitsui Markets Ltd. memenuhi obligasi kontrak, kawal selia dan undang-undangnya, berdasarkan peruntukan Rang Undang-undang Perlindungan Data 2016. Kami hanya akan memindahkan Maklumat Peribadi kepada organisasi di luar EEA tertakluk penilaian kami bahawa organisasi yang kami hantarkan maklumat itu mempunyai kawalan dan perlindungan yang betul dan sesuai.

3.1 Bagaimana Syarikat menggunakan maklumat anda

Kami mungkin akan menggunakan maklumat anda untuk mana-mana satu atau lebih daripada tujuan berikut:

- ✚ untuk mengesahkan identiti anda.
- ✚ untuk mengadakan profil peribadi anda.
- ✚ untuk mengurus akaun anda dan memastikan anda dilapor maklumat terkini tentang semua perkara yang berkaitan dengan akaun anda.
- ✚ untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda minta termasuk memproses transaksi.
- ✚ untuk menghubungi anda berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada anda apabila difikirkan perlu atau sesuai.
- ✚ untuk memberikan anda maklumat tentang produk dan perkhidmatan kami dan memberikan anda maklumat atau peluang yang kami percaya mungkin relevan untuk anda.
- ✚ untuk menyesuaikan laman web atau perkhidmatan kami yang lain yang kami sediakan kepada anda berkaitan dengan keperluan dan minat anda; dan untuk mencipta data statistik tanpa identiti.

3.2 Anda berhak untuk

- ✚ Meminta data peribadi anda dilenyapkan menerusi "hak untuk dilupakan" di mana tiada alasan yang kukuh untuk kami terus memprosesnya, namun sila maklum bahawa kami mungkin tidak dapat mematuhi permintaan yang sedemikian pada setiap masa lantaran dari obligasi kawalan selia kami kepada VFSC di mana kami berkewajipan untuk menyimpan data di dalam rekod/fail kami sehingga tujuh (7) tahun;
- ✚ Memohon penarikan balik kebenaran anda walau bagaimanapun sila maklum bahawa sekiranya anda memutuskan untuk berbuat demikian, kami mungkin tidak dapat menyediakan perkhidmatan kami kepada anda; dan
- ✚ Anda berhak untuk mengakses Maklumat Peribadi anda. Sekiranya anda memutuskan bahawa anda ingin menerima salinan Maklumat Peribadi anda yang kami simpan tentang anda, kami akan berbuat demikian apabila menerima permintaan bertulis oleh anda melainkan jika ada sebarang obligasi kawal selia yang menghalang kami daripada berbuat demikian.

Anda boleh meminta data peribadi anda dihapuskan dengan menghubungi melalui emel pasukan Khidmat Pelanggan kami (sila dapatkan butiran kontak di laman Kontak)

Anda boleh menarik diri daripada menerima emel pemasaran pada bila-bila masa dengan mengklik pautan 'Henti Langganan' di bahagian atas emel atau menghantarkan permohonan menerusi emel pasukan Khidmat Pelanggan kami (sila dapatkan butiran kontak di laman Kontak).

4. Menghubungi Pelanggan

Dari semasa ke semasa Syarikat boleh menghubungi pelanggan sama ada menerusi telefon atau emel untuk tujuan mentadbir terma Perjanjian antara kami dan anda sebagai pelanggan. Selain itu, Syarikat boleh, sekali-sekala, berusaha untuk menghubungi pelanggan, sama ada menerusi telefon atau menerusi emel, untuk tujuan memaklumkan mereka tentang tawaran promosi unik yang disediakan oleh Syarikat kepada pelanggan. Pelanggan bersetuju untuk menerima komunikasi tersebut apabila mereka menerima terma dan syarat penggunaan kami semasa mendaftar dengan Syarikat. Mana-mana orang yang ingin mengecualikan diri daripada dihubungi Syarikat dengan lebih lanjut, pada bila-bila masa sekalipun, berhak berbuat demikian dan boleh menyatakan hasratnya, hanya dengan menghubungi Syarikat sama ada menerusi telefon atau emel untuk meminta supaya tidak lagi dihubungi oleh pihak Syarikat.

4.1 Maklumat Bukan Peribadi Dikumpul Secara Automatik

Apabila anda mengakses laman web syarikat, kami mungkin secara automatik (iaitu, tidak semestinya dengan pendaftaran) mengumpul maklumat statistik yang tidak boleh dikenal pasti secara peribadi (cth, jenis pelayar internet dan sistem pengoperasian komputer yang digunakan; nama domain laman web yang membawa anda ke laman kami; bilangan lawatan, purata masa yang dihabiskan, halaman yang dilihat, dsb.). Syarikat boleh menggunakan maklumat ini dan mengkongsikannya di dalam kumpulan Syarikat untuk tujuan statistik (iaitu mengukur penggunaan laman webnya dan/atau menambah baik kandungannya).



5. Pendedahan Maklumat

5.1 Kepada siapa Maklumat Peribadi boleh kami dedahkan

Maklumat Peribadi anda boleh didedahkan kepada:

- ✚ Suruhanjaya Perkhidmatan Kewangan Vanuatu (VFSC) dan badan kawal selia dan kerajaan lain yang mana Syarikat dikehendaki oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat kepadanya.
- ✚ institusi kewangan dan organisasi lain sepertinya yang berurusan dengan Syarikat dalam menjalankan perniagaan Syarikat.
- ✚ pembekal perkhidmatan dan penasihat pakar yang menyediakan perkhidmatan kepada kami (rakan niaga penyumberan luar).
- ✚ mana-mana pihak ketiga yang diperlukan untuk memproses transaksi atau menyediakan perkhidmatan yang diminta oleh pelanggan.
- ✚ introducing broker atau broker-broker lain yang telah dikontrakkan untuk memberi kami perkhidmatan pentadbiran, kewangan, insurans, penyelidikan dan/atau perkhidmatan lain.
- ✚ penyedia kredit, mahkamah, tribunal dan pihak berkuasa kawal selia seperti yang dipersetujui dan/atau dibenarkan oleh undang-undang. agensi pelaporan kredit atau rujukan; dan
- ✚ sesiapa yang diberi kuasa oleh klien (seperti penasihat kewangan, broker, peguam cara atau akauntan pelanggan).

Sila maklum bahawa kami tidak akan sekali-kali menjual atau memberikan Maklumat Peribadi pelanggan kepada pihak ketiga untuk tujuan pemasaran.

Selain itu, Syarikat mungkin melibatkan pihak ketiga untuk membantu menjalankan fungsi dalaman tertentu seperti pemprosesan akaun, pemenuhan, perkhidmatan pelanggan, tinjauan kepuasan pelanggan atau aktiviti pengumpulan data lain yang berkaitan dengan perniagaannya. Penggunaan maklumat yang dikongsi adalah terhad kepada pelaksanaan yang di atas dan tidak dibenarkan untuk sebarang tujuan lain.

Secara umumnya, kami mensyaratkan mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang kami kongsi sebarang Maklumat Peribadi, berjanji untuk menghormati hak privasi mana-mana individu dan mematuhi Prinsip Perlindungan Data. Pembekal perkhidmatan pihak ketiga ini mungkin menyimpan rekod sebarang carian yang mereka lakukan bagi pihak kami dan mereka mungkin menggunakan butiran carian untuk membantu syarikat lain melakukan carian mereka sendiri. Pihak ketiga tidak tertakluk kepada dasar privasi ini.

Dalam kes di mana pelanggan telah diperkenalkan oleh Introducer Perniagaan, Introducer Perniagaan tersebut mungkin mempunyai akses terhadap maklumat pelanggan. Oleh itu, pelanggan dengan ini bersetuju untuk berkongsi maklumat dengan Introducer Perniagaan tersebut.

5.2 Laman-laman Pihak Ketiga



Always
by your side

Mitsui Markets Ltd.

Address: 113 Santina Parade, Elluk, Port Vila, Efale,
Vanuatu

Privacy Policy

Harap maklum bahawa Mitsui Markets Ltd. tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas amalan privasi laman web lain. Kami menasihatkan semua pelawat supaya awas dan membaca penyata privasi setiap laman web yang mengumpul maklumat identiti peribadi.

5.3 Penyedia Pembayaran

Selaras dengan cadangan Payment Card Industry Security Standards Council, butiran kad pelanggan dilindungi menggunakan penyulitan lapisan pengangkutan - TLS 1.2 dan lapisan aplikasi dengan algoritma AES dan panjang kunci 256 bit.

5.4 Pengekalan rekod

Kami mungkin diminta untuk mengekalkan dan menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk memenuhi obligasi undang-undang kami untuk tujuan keselamatan data dan kerana kami percaya ia sesuai dan perlu untuk sama ada, tetapi tidak terhad kepada, mematuhi kewajipan kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan, untuk menjawab perintah daripada mahkamah dan/atau pihak berkuasa awam dan kerajaan yang lain, untuk tujuan pemantauan melalui proses pematuhan dan pencegahan pengubahan wang haram.

Kami tidak akan menyimpan maklumat anda lebih lama daripada yang diperlukan. Dalam kebanyakan kes, maklumat mesti disimpan untuk tempoh masa yang agak lama. Tempoh pengekalan akan diputuskan, dengan mengambil kira jenis maklumat yang dikumpul dan tujuan ia dikumpul, dengan mengambil kira keperluan yang terpakai untuk situasi berkenaan dan keperluan untuk memusnahkan maklumat yang lapuk dan tidak digunakan seawal mungkin yang munasabah. Di bawah peraturan yang berkaitan, kami akan menyimpan rekod yang mengandungi Maklumat Peribadi, maklumat perdagangan, dokumen pembukaan akaun, komunikasi dan apa-apa lagi yang berkaitan dengan Pelanggan untuk tempoh maksimum tujuh (7) tahun selepas penamatan Perjanjian antara anda dan syarikat kami. Dalam apa jua keadaan, kami akan menyimpan maklumat anda untuk tempoh minimum seperti yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Had Tindakan yang terpakai.

5.5 Keselamatan

Syarikat mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan keselamatan maklumat peribadi anda dan berusaha untuk memastikan ianya tepat.

Kami bertindak dengan berhati-hati untuk melindungi maklumat peribadi pelanggan daripada kehilangan, kemusnahan, pemalsuan, manipulasi, dan akses tanpa kebenaran atau pendedahan tanpa kebenaran dan telah membangunkan dan akan mengekalkan prosedur keselamatan untuk melindungi Maklumat Peribadi daripada kehilangan, kecurian, penyalinan dan pendedahan, penggunaan atau pengubahsuaian tanpa kebenaran. .

Akses kepada Maklumat Peribadi adalah terhad kepada pekerja syarikat dan pembekal perkhidmatan yang diberi kuasa yang perlu menerimanya untuk melaksanakan kerja mereka.

Walaupun kami akan melakukan semua usaha yang munasabah untuk melindungi maklumat pelanggan, pelanggan mengakui bahawa penggunaan internet tidak sepenuhnya selamat dan oleh itu, kami tidak dapat memberikan sebarang jaminan mengenai keselamatan atau integriti mana-mana data peribadi yang dipindahkan daripada pelanggan, atau kepada pelanggan menerusi penggunaan internet.



Always
by your side

Mitsui Markets Ltd.

Address: 113 Santina Parade, Elluk, Port Vila, Efale,
Vanuatu

6. Kuki (Cookies)

6.1 Umum

Kuki (cookies) ialah cebisan kecil data yang dihantar daripada laman web dan disimpan dalam pelayar web pengguna semasa pengguna melayari laman web tersebut.

6.2 Cara kami menggunakan kuki di laman kami dan maklumat yang kami kumpulkan.

Seperti kebanyakan laman web, Syarikat menggunakan kuki untuk meningkatkan pengalaman pelanggan di laman web kami kerana data yang diterima daripada kuki membolehkan kami menentukan jenis penyemak imbas dan tetapan yang digunakan pelanggan, apabila dia berada di laman web kami, apabila dia kembali ke laman web, dari mana dia berasal dan untuk memastikan maklumatnya selamat. Kami tidak memautkan maklumat yang kami simpan dalam kuki kepada sebarang maklumat pengenalan peribadi yang diserahkan oleh pelanggan semasa berada di tapak kami. Jika dia memilih untuk menarik diri daripada kuki, pelanggan masih boleh menggunakan tapak kami, tetapi keupayaan untuk menggunakan beberapa kawasan akan terhad.

Kami amat mengesyorkan bahawa pelanggan membenarkan kuki di laman web kami untuk menerima pengalaman terbaik yang mungkin. Mematikan kuki boleh mengakibatkan penurunan prestasi laman web dan platform dagangan kami, namun jika dia masih mahu menarik diri daripada kuki, dia boleh melakukannya melalui pelayar laman web yang digunakan. Pasukan sokongan pelanggan kami berbesar hati untuk bercakap dengan pelanggan melalui proses ini jika bantuan diperlukan.

Untuk maklumat lanjut tentang jenis kuki yang digunakan oleh Syarikat, sila lihat dasar Kuki kami.

7. Butiran kenalan

7.1 Pegawai Perlindungan Data

Di bawah Rang Undang-Undang Perlindungan Data 2016, atau pindaan dan/atau gantiannya dari semasa ke semasa, pelanggan sebagai individu berhak untuk mendapatkan salinan bagi sebarang maklumat peribadi yang ada di dalam pegangan kami mengenai dirinya dan untuk menasihati kami tentang sebarang perkara yang dirasakan tidak tepat.

Untuk meneruskan permintaan sedemikian, pelanggan harus menghubungi DPO kami (Pegawai Perlindungan Data), mengesahkan identitinya dan nyatakan maklumat yang diperlukan. Bayaran pentadbiran mungkin dikenakan.

Butiran Perhubungan DPO

Alamat emel: office@mitsuimarkets.com

Nombor telefon: 00357 978 43 404

Alamat pos: 113 Santina Parade, Elluk, Port Vila, Efale, Vanuatu



8. Perubahan Kenyataan Privasi

Syarikat berhak untuk menukar pernyataan privasi ini pada bila-bila masa yang dianggap perlu. Sekiranya, Syarikat mengubah Polisi ini secara material termasuk cara ia mengumpul, memproses atau menggunakan maklumat peribadi pelanggan, Polisi Privasi yang disemak semula akan dimuat naik di laman web Syarikat. Dalam hal ini, pelanggan dengan ini bersetuju untuk menerima penyiaran Polisi Privasi yang disemak secara elektronik di laman web sebagai notis sebenar Syarikat kepada pelanggannya. Sebarang pertikaian mengenai Polisi Privasi Syarikat, adalah tertakluk kepada notis ini dan Perjanjian Pelanggan. Pelanggan dinasihatkan untuk membaca kenyataan ini setiap kali dia mengakses tapak supaya dia berpuas hati dengan syarat privasi di mana maklumat peribadinya diberikan kepada Syarikat.



Memadam data

Apakah data yang perlu dipadamkan untuk GDPR?

Di bawah GDPR, pengawal dan pemproses data diwajibkan untuk memulangkan atau memadam semua data peribadi selepas tamat perkhidmatan.

Bolehkah saya meminta data peribadi saya dipadamkan GDPR?

Ya, anda boleh meminta data peribadi anda dipadamkan.

Apabila data saya baik dipadamkan?

Data akan dipadamkan serta-merta apabila diminta untuk dipadamkan. Dalam kes menggunakan aplikasi, data peribadi mungkin dipadamkan secara automatik atas permintaan anda.

